



**KENYATAAN MEDIA  
YB SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG**

**TINDAKAN KERAJAAN PAHANG DALAM MENDEPANI  
ANCAMAN COVID-19**

1. Pada ketika ini, penularan COVID-19 di Negeri Pahang pada kadar terkawal dan kebanyakan kes di Pahang adalah melibatkan individu yang berkunjung ke Sabah.
2. Oleh itu, individu yang mempunyai sejarah perjalanan dari negeri Sabah selepas 27 September 2020 digalakkan untuk meneruskan kuarantin sendiri selama 14 hari selepas ketibaan di KLIA dan membuat ujian ulangan pada hari ke-13 walaupun telah mendapat pelepasan dari perintah kuarantin.
3. Bagi daerah-daerah yang mempunyai kes COVID-19 yang aktif:
  - a. Semua acara keramaian melibatkan orang awam termasuk kenduri-kendara melebihi 100 orang pada satu-satu masa perlu ditangguhkan selama 14 hari dari kes terakhir dikesan.
  - b. Semua masjid, surau dan rumah ibadat berkaitan yang berada di dalam lokaliti / kawasan yang mempunyai kes aktif ditutup selama 14 hari.
  - c. Semua aktiviti pekan sehari dan pasar malam di lokaliti /kawasan yang mempunyai kes aktif ditangguhkan selama 14 hari.
  - d. Bagi kes kontak rapat kepada kes positif yang hadir ke sekolah sebelum pengesanan dibuat, kelas terlibat akan ditutup selama 14 hari.
  - e. Pasaraya-pasaraya yang menjadi tumpuan umum adalah diingatkan untuk memastikan pematuhan Tatacara Pengendalian Piawai (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi mengelakkan penularan.

- f. Semua aktiviti perniagaan, kedai serbaneka dan lain-lain premis perniagaan yang dibenarkan beroperasi hanya boleh beroperasi sehingga jam 12.00 tengah malam sahaja. Arahan ini tidak terpakai kepada pusat perubatan, klinik dan stesen minyak.
- g. Semua aktiviti riadah dan sosial adalah dibenarkan sehingga jam 12.00 tengah malam sahaja. Aktiviti ini perlu tertakluk kepada pematuhan SOP yang ditetapkan. Jika SOP sukar dikawal, acara dan penganjuran adalah tidak dibenarkan.

Sekian, terima kasih.

***DATO' SRI DR. SALLEHUDDIN BIN ISHAK***  
***YB Setiausaha Kerajaan Pahang***  
***30 September 2020***